



Article I
insure domestic Tranquility, and our Posterity, do ordain a

Section 1. All legislative Powers herein granted shall be vested in a Congress of the United States, which shall consist of a Senate and House of Representatives.

Section 2. The House of Representatives shall be composed of Members chosen every second Year by the People of the several States, and the Electors in each State shall have the Qualifications requisite for Electors of the most numerous Branch in that State.

Section 3. The Senate shall be composed of two Senators from each State, chosen by the Legislature thereof, for six Years; and each Senator shall have the Qualifications requisite for Senators of the most numerous Branch in that State.



KEDAULATAN NEGARA
SOVEREIGNTY

1.1

KONSEP KEDAULATAN



APAKAH ITU KEDAULATAN?

Kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sebuah negara yang bebas Serta mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan dan pentadbiran negara.

APAKAH TAKRIF KEDAULATAN MENGIKUT BAHASA?

BAHASA YUNANI

- Supernuus atau Superanus.
- Bermaksud agung atau tinggi.
- Merujuk negara yang bebas dan merdeka.

BAHASA INGGERIS

- Sovereignty.
- Bermaksud negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan.

BAHASA ARAB

- Daulah.
- Bermaksud kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan.

BAHASA MELAYU

- Daulat.
- Kuasa tertinggi terhadap pemerintahan negara.



APAKAH PANDANGAN TOKOH TERHADAP KONSEP KEDAULATAN?




Kedaulatan merupakan kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berdasarkan semangat kekitaan bangsanya yang rela untuk berkorban demi negara.



Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sesebuah negara yang mempunyai sifat kekal dan kuasa tidak terbatas untuk membuat undang-undang, mentafsir dan melaksanakannya.

Kedaulatan merupakan asas negara merdeka dengan hak untuk mengatur urusan negeri tanpa telunjuk asing.



Kedaulatan merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan sesebuah negara. Kedaulatan merujuk kerajaan yang terikat oleh undang-undang.



Kedaulatan dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan yang sentiasa memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat.



7.2

CIRI NEGARA YANG BERDAULAT

TERANGKAN CIRI NEGARA YANG BERDAULAT – MEMPUNYAI PEMERINTAHAN

Diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik, keamanan, pertahanan dan ekonomi.

KETUA UTAMAN NEGARA : Yang di-Pertuan Agong

KETUA KERAJAAN : Perdana Menteri

SISTEM : Sistem Raja Berperlembagaan Demokrasi Berparlimen



1.2

CIRI NEGARA YANG BERDAULAT

TERANGKAN CIRI NEGARA YANG BERDAULAT – MEMPUNYAI SEMPADAN

Sempadan ialah garis pemisah antara negeri atau negara. Malaysia berkongsi sempadan darat, air dan udara dengan negara jiran.

NEGARA JIRAN : Singapura, Thailand, Indonesia, Brunei, Filipina

DIAKUI OLEH : Masyarakat antarabangsa, khasnya PBB

KEBAIKAN : Memudahkan urusan pemerintahan, pentadbiran, pertahanan dan pembangunan ekonomi





7.2

CIRI NEGARA YANG BERDAULAT

TERANGKAN CIRI NEGARA YANG BERDAULAT – MEMPUNYAI PERUNDANGAN

Sistem perundangan menjadi asas kepada peraturan negara.

KEPENTINGAN : Memelihara kesejahteraan, menjamin keadilan dan melindungi rakyat

BERPANDUKAN : Perlembagaan Persekutuan

PARLIMEN : Bertanggungjawab menggubal dan menentukan sistem perundangan negara kita



1.2

CIRI NEGARA YANG BERDAULAT

TERANGKAN CIRI NEGARA YANG BERDAULAT – MEMPUNYAI RAKYAT

Rakyat merupakan penduduk di sebuah negara. Rakyat terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh pemerintah.

RAKYAT : Terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan adat resam.
DISATUKAN MELALUI : Satu bahasa dan kebudayaan, Rukun Negara serta identiti nasional yang sama.





1.3

KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT

APAKAH KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT?

KEBERKESANAN PENTADBIRAN

Kebebasan kepada negara tanpa campur tangan kuasa asing melalui sistem Jemaah Menteri dan kementerian yang berkaitan.

KEMAKMURAN EKONOMI

Pelaksanaan dasar kemakmuran ekonomi yang dapat memajukan dan meningkatkan taraf hidup rakyat berbilang kaum melalui bidang pertanian, perindustrian dan perdagangan.

KESEJAHTERAAN SOSIAL

Melalui dasar sosial, negara dapat melahirkan generasi yang berilmu pengetahuan yang dapat membangunkan negara. Rukun Negara, bahasa kebangsaan, kebudayaan dan sukan memupuk perasaan dan semangat perpaduan.



1.3

KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT

APAKAH KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT?

KECEMERLANGAN HUBUNGAN LUAR NEGARA

Kedaulatan dapat memberikan hak kepada negara untuk menjalankan hubungan dengan negara lain melalui penggubalan dasar luar negara. Negara kita dapat menikmati pelbagai faedah dan kelebihan dala, usaha mempertahankan kedaulatan.

Pemerintah

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap.
- Mengelakkan amalan rasuah dalam pentadbiran.
- Memastikan agihan sumber kekayaan negara secara adil kepada semua kaum melalui dasar pembangunan ekonomi.
- Melaksanakan undang-undang negara menurut perlembagaan secara berkesan.

1

Rakyat

- Memberi kesetiaan kepada raja dan negara.
- Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan bagi mewujudkan kestabilan politik.
- Memupuk kerjasama dengan semua kaum supaya agihan kekayaan negara dinikmati oleh semua.
- Mematuhi undang-undang negara.

- Perintah melaksanakan pentadbiran dengan cekap dan menjalankan pelbagai usaha serta program bagi memajukan ekonomi.
- Rakyat pula memberikan kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan semua usaha dan program yang dilaksanakan oleh pemerintah.

Mewujudkan Kestabilan Politik dan Kemakmuran Ekonomi

Pemerintah

- Menggubal dasar dan undang-undang berkaitan dengan perpaduan kaum serta integrasi nasional.
- Memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar berkaitan dengan bahasa, pendidikan dan kebudayaan oleh kementerian serta agensi berkaitan.
- Merangka program serta kempen ke arah memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional.
- Memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk program memupuk perpaduan kaum.

2

Rakyat

- Menggunakan bahasa kebangsaan dan menghayati prinsip Rukun Negara yang dapat menjamin perpaduan kaum.
- Memahami dan menghormati agama serta budaya pelbagai kaum.
- Mengamalkan semangat perkongsian, bertoleransi dan saling menghormati sesama rakyat Malaysia.
- Melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dapat memupuk kerjasama antara kaum.

- **Pemerintah berusaha mengekalkan perpaduan kaum dengan menggubal dasar dan undang-undang.**
- **Rakyat menyokong dasar dan mematuhi undang-undang yang digubal oleh pemerintah.**

Mengekalkan
Perpaduan Kaum


Pemerintah

3



- Mengajukan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Pahlawan untuk menimbulkan kecintaan kepada negara.
- Mewajibkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran teras di sekolah bagi melahirkan generasi yang peka terhadap sejarah negara.
- Mengajukan kempen dan menerbitkan filem atau rencana untuk memupuk patriotisme melalui pelbagai media.
- Memberikan pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang berjasa kepada negara dengan mengabadikan nama mereka pada bangunan dan jalan.

Rakyat

- Menghormati lambang negara seperti bendera, Jalur Gemilang, Jata Negara dan lagu Negaraku.
- Menyanjungi dan menghargai adat dan warisan negara.
- Meningkatkan imej negara dalam bidang pendidikan, sukan dan ekonomi.
- Menghargai tokoh pelbagai kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan kedaulatan negara.



- Patriotisme ialah perasaan cinta yang mendalam terhadap negara serta sanggup mempertahankan sejarah, bahasa, undang-undang, warisan dan budaya.
- Patriotisme merupakan nadi kepada kebebasan, kestabilan dan kemajuan sesebuah negara.



Memupuk Patriotisme

Pemerintah

- Menggubal dasar dan undang-undang untuk melindungi keselamatan negara.
- Mengadakan perjanjian pertahanan serta latihan ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa.
- Memodenkan aset ketenteraan bersama-sama negara serantau dan antarabangsa.
- Memodenkan aset ketenteraan untuk mengukuhkan pasukan pertahanan negara.
- Memastikan pasukan ketenteraan sentiasa bersiap-siaga menghadapi cabaran semasa.

Rakyat

- Peka terhadap isu keselamatan negara. Contohnya, memberikan maklumat tentang pencerobohan sempadan negara.
- Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar yang boleh mengancam keselamatan dan kedaulatan negara.
- Menganggotai pasukan keselamatan dan pasukan sukarelawan untuk mempertahankan negara.
- Sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.

- **Pemerintah memastikan pasukan keselamatan sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran semasa.**
- **Rakyat menganggotai pasukan keselamatan dan sanggup berkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.**

Mengukuhkan
Pertahanan Negara



Pemahaman terhadap ciri negara yang berdaulat wajar dipertingkatkan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berbangga dengan identiti negara.



Kepentingan mempertahankan kedaulatan negara bagi melahirkan masyarakat yang berganding bahu untuk membangunkan negara dan menjamin kesejahteraan rakyat



Pemerintahan dan rakyat saling bekerjasama, bersefahaman serta bermuafakat bagi mempertahankan kedaulatan negara.



Menyokong dan melibatkan diri dalam proses pembangunan negara dan berusaha gigih untuk memajukan diri.



Perpaduan rakyat berbilang kaum dan semangat rela berkorban merupakan keunikan negara kita untuk mempertahankan kedaulatannya.



RUMUSAN BAB

Kedaulatan merupakan kekuasaan tertinggi dan kewibawaan sesebuah negara yang membolehkan kerajaan melaksanakan kawalan pemerintahan dan pentadbiran. Ciri negara berdaulat menjadikan negara kita sebuah negara yang stabil dan kukuh. Pelbagai langkah dilaksanakan untuk memastikan kedaulatan negara tetap terpelihara. Kedaulatan negara diperkukuh melalui pemerintahan dan pentadbiran yang berlandaskan perlembagaan.

